

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SIARAN SEGERA

INDEKS VOLUM PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, SUKU TAHUN KEDUA 2024

**Indeks volum Perdagangan borong & runcit merekodkan kenaikan
4.9 peratus pada suku tahun kedua 2024**

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2024 – Indeks volum Perdagangan borong & runcit Malaysia merekodkan pertumbuhan 4.9 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2024 untuk mencapai 155.4 mata. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini dalam siaran **INDEKS VOLUM PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT (2015=100), SUKU TAHUN KEDUA 2024**. Laporan ini juga membentangkan statistik mengenai indeks volum Perdagangan borong & runcit mengikut subsektor.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata, "Peningkatan 4.9 peratus tahun ke tahun disumbangkan oleh subsektor Kenderaan bermotor yang tumbuh 9.0 peratus kepada 132.0 mata. Ini diikuti oleh Perdagangan runcit dan

Perdagangan borong yang meningkat masing-masing 5.5 peratus dan 3.1 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, indeks volum kembali positif dengan 1.7 peratus, disokong oleh subsektor Perdagangan runcit (2.4%) dan Perdagangan borong (1.7%).”

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan, “Pertumbuhan positif 9.0 peratus bagi indeks volum Kenderaan bermotor dipacu oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor dengan 9.7 peratus. Ini diikuti oleh Jualan kenderaan bermotor (9.4%) dan Penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor (6.2%). Walau bagaimanapun, bagi perbandingan suku tahunan, indeks volum Kenderaan bermotor merosot dengan -1.5 peratus.”

Mengulas lanjut prestasi indeks volum Perdagangan runcit, beliau seterusnya memaklumkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus bagi subsektor ini disumbangkan oleh Jualan runcit makanan, minuman & tembakau dengan 7.2 peratus. Ini diikuti oleh Jualan runcit di kedai pengkhususan (6.3%), Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (6.2%) dan Jualan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (6.0%). Dari segi perbandingan suku tahun ke suku tahun, indeks volum Perdagangan runcit naik 2.4 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut memaklumkan, “Indeks volum perdagangan borong merekodkan pertumbuhan positif 3.1 peratus, disokong oleh Jualan borong makanan, minuman & tembakau dengan 7.3 peratus. Ini diikuti oleh Jual borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup (6.8%), Jual borong berdasarkan kontrak atau yuran (4.4%), Perdagangan borong tanpa pengkhususan (3.6%) dan Lain-lain pengkhususan jualan borong (2.5%). Bagi perbandingan suku tahunan, indeks volum Perdagangan borong meningkat 1.7 peratus berbanding suku tahun lepas.”


“Bagi indeks volum pelarasan musim, Perdagangan borong & runcit meningkat 5.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2024, disokong oleh semua kumpulan iaitu Kenderaan bermotor (26.7%), Perdagangan runcit (5.0%) dan Perdagangan borong (3.1%),” jelas beliau.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Indeks volum Perdagangan borong & runcit



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2024